

24 FEB 1997

Pengakap-Jambori

BIRO PENGAKAP ASIA PASIFIK PUAS HATI PERSIAPAN TUAN RUMAH

BESUT, 24 Feb (Bernama) -- Biro Pengakap Rantau Asia Pasifik berpuas hati dengan persiapan yang dibuat oleh Terengganu sebagai tuan rumah Jambori Rantau Asia Pasifik ke-18 pada 1 hingga 8 Ogos.

Pengarah Pengurusan dan Pembangunan Sumber biro itu M Golam Sattar berkata dengan persiapan rapi yang dibuat itu jambori kali ini diyakini akan menjadi yang terbaik dalam sejarah sejak ia mula diadakan pada 1986.

"Satu seminar juga akan diadakan di Kuala Lumpur sebelum berlangsungnya jambori itu dan dijangka disertai perwakilan dari 23 negara," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat kepada perwakilan pertubuhan pergerakan pengakap sedunia wilayah Asia Pasifik di sini, hari ini.

Jambori yang akan berlangsung di Kem Seri Keluang kali ini diadakan serentak dengan Jambori Nasional Kelapan dengan tema "Ke Arah Membentuk Remaja Cemerlang".

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk jambori Datuk Abdul Rashid Ngah berkata tema itu dipilih untuk meningkatkan kualiti pemikiran remaja dalam menghadapi ledakan teknologi maklumat dan percantuman pelbagai budaya kini.

Menurut beliau, sebanyak 15,000 termasuk 3,000 pengakap dari luar negara dijangka menyertai jambori itu termasuk dari Jepun dengan 100 peserta, Korea Selatan (340), Filipina (200), Thailand (1,000) serta dari negara Eropah seperti Jerman dan Finland.

"Kerajaan negeri dengan bantuan pihak swasta memperuntukkan RM6 juta bagi mengelolakan jambori itu termasuk menyiapkan kerja pembinaan jalan dan penyediaan keperluan asas di kawasan seluas 127 ekar itu," katanya.

Antara program utama sempena jambori itu nanti ialah Forum Remaja Antarabangsa yang menjadi tema jambori sebagai tajuk fokus di samping menyediakan resolusi bersama selepas itu.

Jawatankuasa kerja jambori turut mengambil keputusan untuk menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi merasmikan jambori itu.

-- BERNAMA

ND HJ NMO